

Dr. Abu Timbalan

Rektor KUTKM

UM - 4 JAN 2006

MELAKA 3 Jan. — Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) mengumumkan pelantikan Profesor Dr. Abu Abdullah sebagai Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) yang baru, menggantikan Dr. Azhari Salleh yang meninggal dunia pada 20 Jun lalu.

KUTKM dalam kenyataannya hari ini menyebut, pelantikan yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi itu adalah bagi tempoh tiga tahun bermula 1 Januari tahun ini hingga 31 Disember 2008.

Abu, 45, yang berasal dari Ujong Pasir di sini, merupakan Pengarah di Pejabat Penasihat Sains, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejak 2 Januari 2004.

Beliau mengikuti pendidikan menengah di Maktab Tentera Diraja (MTD) kem Sungai Besi sebelum melanjutkan pengajian di Universiti Birmingham dan Universiti Warrick, England dalam bidang kejuruteraan pembuatan.

"Beliau memulakan kerjaya sebagai pen- syarahan di Politeknik Port Dickson pada tahun 1990 sebelum bertukar ke Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada 1992," jelas kenyataan itu lagi.

Semasa di UIA, Abu pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar (TKHEP) dan Pengarah di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan.

Abu juga bukan asing di KUTKM kerana pada tahun 2001, beliau pernah menjadi profesor di kolej universiti tersebut sebelum dilantik menjadi Dekan Pusat Universiti di sana pada tahun berikutnya.

Beliau juga merupakan ahli Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Institut Jurutera Malaysia (IEM).